SAMPEL PERCUMA

Soalan Sejarah Tingkatan 3 Bab 4 Pentadbiran Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu + Jawapan

Set penuh: Latihan Sejarah T1–5

Set Tingkatan 1–5

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Latihan objektif, struktur dan esei ikut bab (T1–5)
- Modul Sejarah T4 & T5
- Pelan ulang kaji 30 hari

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/latihan-sejarah-tingkatan-1-5 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

BAB 4:PENTADBIRAN NEGERI-NEGERI MELAYU TIDAK BERSEKUTU

BAHAGIAN A

1. Bagaimanakah bentuk hubungan luar yang dijalinkan oleh Kedah dan Siam?

   I Hubungan pentadbiran
   II Hubungan diplomatik
   III Membayar ufti sebagai pampasan
   IV Melantik penasihat Siam dalam pentadbiran

   A I dan II
   B I dan IV
   C II dan III
   D III dan IV

2. Peranan Penggawa atau Penghulu dalam pentadbiran Kesultanan Melayu ialah

   A Menjaga keamanan
   B Menyediakan tenaga kerja
   C Melaksanakan perintah sultan
   D Perantara antara pembesar dan rakyat

3. Kesultanan Johor mewujudkan beberapa sistem pentadbiran moden untuk melicinkan pentadbiran.
   Apakah sistem pentadbiran moden tersebut?
   I Ahli Mesyuarat Negeri
   II Jabatan-jabatan kerajaan
   III Majlis Jemaah Diraja Johor
   IV Ketua Kampung dan Penghulu

   A I dan II
   B I dan IV
   C II dan III
   D III dan IV

4. Maklumat berikut berkaitan dengan gelaran yang pernah digunakan oleh pemerintah sebuah kerajaan negeri di negara kita.

Phaya Pipit Pakdi

Siapakah pemerintah kerajaan tersebut?

A Sultan Perlis

B Sultan Kedah

C Sultan Kelantan

D Sultan Terengganu

5. Jadual berikut menunjukkan kawasan yang dikuasai oleh negara Barat.

Negara Barat	Kawasan
Jerman	Pulau Langkawi
Rusia	X
British	Perak

Kawasan X ialah

A Singapura

B Terengganu

C Segenting Kra

D Ujung Salang

6. Maklumat berikut berkaitan dengan slogan kuasa Barat untuk meluaskan pengaruh.

Beban Orang Putih

Kuasa Barat yang menggunakan slogan tersebut ialah

A Rusia

B British

C Perancis

D Portugis

7. Apakah cara yang dilaksanakan oleh British untuk menghubungkan Burma dengan Pulau Pinang bagi membolehkan mereka mempunyai rangkaian terus perhubungan dengan India?

   A Telefon

   B Telegraf

   C Kapal Berkuasa Wap

   D Mengadakan persempadanan dengan Siam

8. Apakah kaedah yang digunakan oleh British untuk menghalang kuasa Barat lain menguasai negeri-negeri Melayu?

   A Meminta bantuan ketenteraan Siam

   B Mengadakan perjanjian dengan Siam

   C Melantik sultan yang disukai oleh British

   D Menandatangani perjanjian dengan kuasa Barat yang lain

9. Undang-undang berikut berkaitan dengan kanun undang -undang pemerintahan Kesultanan Melayu

Adat Meminang dan Undang-undang 1199H

   Undang-undang tersebut termaktub dalam sistem perundangan Kesultanan

   A Perlis

   B Johor

   C Kedah

   D Selangor

10. Mengapakah Siam mengarahkan Kelantan, Terengganu, Kedah, dan Perlis menghantar bunga emas kepadanya?

    A Mengelakkan serangan Siam

    B Mengakui ketuanan dan kepatuhan kepada kuasa Siam

    C Mendapatkan bantuan ketenteraan daripada Siam jika negeri tersebut diserang British

    D Sebagai tanda persahabatan kerana negeri tersebut mempunyai hubungan perdagangan dengan Siam.

11. Apakah perubahan yang dialami oleh Negeri-negeri Melayu Utara berikutan perjanjian berikut?

Perjanjian Bangkok 1909

A Mempertuankan Siam
B Menerima penasihat British
C Menjadi jajahan takluk British
D Memansuhkan sistem pemerintahan beraja.

12. Maklumat berikut berkaitan dengan perjanjian di antara British dan Siam

Perjanjian	Persetujuan
Pengisytiharan British – Siam 1902	Siam akan mengawal hubungan luar bagi negeri Kelantan dan Terengganu.

Apakah yang hendak dicapai oleh British melalui perjanjian tersebut?

A Hubungan baik dengan Siam
B Meluaskan pengaruh ke Siam
C Menentukan sempadan Siam-Kelantan
D Meluaskan kuasa ke Negeri-negeri Melayu Utara

13. Maklumat berikut berkaitan dengan strategi British menguasai Johor

British menawarkan pinjaman sebanyak 200,000 dolar kepada Johor

Mengapakah Sultan Johor menolak tawaran British tersebut?

A British mahu menempatkan penasihat British
B British mahu membeli Kesang daripada Sultan Ali
C British mahu memanipulasi kewangan Johor yang kesannya menjejaskan ekonomi Johor
D British mahu menandatangani perjanjian dengan Sultan Ibrahim untuk menempatkan konsul

SKEMA JAWAPAN

NO	JAWAPAN	NO	JAWAPAN
1	A	11	B
2	D	12	D
3	C	13	C
4	C	14	C
5	D	15	D
6	B	16	C
7	B	17	C
8	B	18	C
9	C	19	C
10	B	20	D

BAB 4 : PENTADBIRAN NEGERI-NEGERI MELAYU TIDAK BERSEKUTU

TINGKATAN 3			
TEMA : Kedatangan Kuasa Asing	**TAJUK : 7** Campurtangan Dan Penjajahan Kuasa Barat	**SK :** 7.4 – Pentadbiran Neger-negeri Melayu Tidak Bersekutu	**SP: 7.4.1** Menyatakan pemerintahan Kesultanan Melayu di Perlis, Kedah, Kelantan,Terengganu dan Johor

1 Negeri Terengganu merupakan negeri yang terakhir menerima Penasihat British kerana memiliki pemerintah yang bijaksana dan sistem pemerintahan tersususn.

(Buku teks m.s 89)

(a) Senaraikan **dua** buah negeri yang menjalinkan hubungan luar dengan Terengganu

(i) …….

(ii) …….

(2 *markah*)

(b) Selain sultan,,jelaskan peranan pelbagai pihak yang terlibat dalam pentadbiran di Terengganu

……..

……..

……..

…….

(4 *markah*)

(*c*) Mengapakah sistem pemerintahan yang sistematik penting bagi sebuah negara?

…….....

……..

……..

……..

……..

(4 *markah*)


Panduan penskoran – Struktur

No. Soalan	Jawapan	Markah
	BAHAGIAN B (STRUKTUR)	
1 (a)	**Senaraikan** dua buah negeri yang menjalinkan hubungan luar dengan Terengganu	
	F1 Siam	**1**
	F2 Kelantan	**1**
	F3 Patani	**1**
	F4 Johor	**1**
	Maks	**(2 Markah)**
1 (b)	Selain sultan,**jelaskan** peranan pelbagai pihak yang terlibat dalam pentadbiran di Terengganu	
	F1 Pembesar sebagai penasihat baginda atau dalam urusan pentadbiran wilayah dan daerah	**1**
	F2 Sistem penghulu diperkemaskan ketika zaman pepemerintahan Sultan Omar (1839 - 1876)	**1**
	F3 Tengku Musa, Tuan Hitam dan Che Abdul Rahim membantu pemerintahan Sultan Zainal Abidin 111	**1**
	F4 Dato' Mata-mata bertugas menyambut kedatangan pelawat atau orang kenamaan Terengganu	**1**
	F5 Sistem Jenmaah Mesyuarat Kerajaan memutuskan sesuatu hukuman atau perisytiharan negeri	**1**
	Maks	**(4 Markah)**
1 (c)	**Mengapakah** sistem pemerintahan yang sistematik penting bagi sebuah negara ?	**1**
	F1 Menyumbang kemajuan negara	**1**
	F2 Keadilan dalam pemerintahan	**1**
	F3 Menimbulkan kepercayaan rakyat kepda kerajaan	**1**
	F4 Mengelakkan campur tangan luar	**1**
	F5 Ekonomi negara dapat berkembang	**1**
	F6 Pembangunan negara dapat dilaksanakan	
	(tambah lagi jawapan sekiranya ada)	
	(Mana-mana munasabah)	
	Maks	**(4 Markah)**
	Jumlah	**10 Markah**

BAB 4 : PETADBIRAN NEGERI-NEGERI MELAYU TIDAK BERSEKUTU

SOALAN ESEI - TINGKATAN 3			
TEMA : Kedatangan Kuasa Asing	**TAJUK :** Campur Tangan dan Penjajahan Kuasa Barat	**SK : 7.4 -** Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu	**SP:** 7.4.1,7.4.2, 7.4.4, K7.4.8

1. Gambar menunjukkan Dokumen Perjanjian Bangkok 1909M. *(m/s 103)*



Perjanjian antara Great Britain dengan Siam, 1909[1]
DITANDATANGANI DI BANGKOK, 10 HARI BULAN MAC 1909
(RATIFIKASI DIBUAT DI LONDON, 9 HARI BULAN JULAI 1909)

Dan Yang Maha Mulia Baginda King United Kingdom Great Britain dan Ireland dan Dominion British di seberang laut Maharaja India dan Dan Yang Maha Mulia Baginda Raja Siam berhasrat untuk menyelesaikan beberapa persoalan yang timbul yang menyentuh kekuasaan masing-masing telah memberi Sepenuh untuk mengikat suatu Perjanjian dan bagi maksud ini, telah melantik Wakil Penuh Kerajaan masing-masing:

Dan Yang Maha Mulia Baginda King Great Britain melantik Ralph Paget, Esquire, Utusan Khas Baginda dan Menteri Wakil Penuh Kerajaan; dll.

Dan Yang Maha Mulia Raja Siam melantik Dan Yang Teramat Mulia Putera Devawongse Varoprakar, Menteri Hal-Ehwal Luar dll., yang setelah menyerahkan Kuasa Wakil masing-masing dan mendapati segala-galanya baik dan sempurna, telah bersetuju tentang Perkara-perkara berikut:

Perkara I

Penyerahan Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis, dan Pulau-pulau Bersebelahan kepada Great Britain

Kerajaan Siam menyerah kepada Kerajaan British segala hak dan apa-apa jua kekuasaan, naungan, pentadbiran dan kawalan yang dimilikinya ke atas Negeri-negeri Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis dan pulau-pulau bersebelahan. Sempadan wilayah-wilayah ini ditentukan melalui Protokol Sempadan yang dilampirkan bersama-sama ini.[2]

Perkara II

Tarikh Penyerahan

Penyerahan yang dipersetujukan dalam Perkara terdahulu itu hendaklah dilaksanakan dalam tempoh tiga puluh hari selepas ratifikasi Perjanjian ini.

Perkara III

Persempadanan Sempadan Inggeris-Siam

Suatu Suruhanjaya Bercampur, terdiri daripada kakitangan dan pegawai Siam dan British, hendaklah dilantik dalam tempoh enam bulan selepas tarikh ratifikasi

1 Teks dambil dari Adat Negara Malaysia, P.112.
2 Lihat Lampiran I dan 2.

(a) Mengapakah British berminat untuk meluaskan kuasa ke atas negeri-negeri tersebut ? (6 Markah)

(b) Setelah Berjaya menguasai negeri Perlis, Kedah, Kelantan , Terengganu dan Johor, British menggabungkan negeri-negeri tersebut sebagai Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.
Terangkan ciri-ciri pentadbiran Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. (6 Markah)

(c) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, jelaskan sebab Raja-raja Melayu di Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu menolak Perjanjian Bangkok 1909. (8 Markah)

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Latihan Sejarah T1–5

Set Tingkatan 1–5

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Latihan objektif, struktur dan esei ikut bab (T1–5)
- Modul Sejarah T4 & T5
- Pelan ulang kaji 30 hari

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/latihan-sejarah-tingkatan-1-5 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar